



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

22 Ramadhan 1441 / 16 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Sabtu, 22 Ramadhan 1441H bersamaan 16 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19** di negara ini kekal seramai 141 orang.
2. Sementara itu, **satu kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh seramai 136 orang**. Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai **4 kes**. Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja yang masih memerlukan bantuan mesin tambahan

heart/lung machine (ECMO) dan mesin pernafasan, manakala seorang lagi kini hanya memerlukan bantuan mesin pernafasan sahaja. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada ketika ini, seramai **101 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,578 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 187 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 16,892 ujian.
5. Seterusnya, berikutan makluman mengenai *Bruhealth App* semasa sidang media pada baru-baru ini, Alhamdulillah setakat ini sejumlah 84,525 orang ramai telah mendaftar sebagai pengguna aplikasi tersebut. Disamping itu juga, sejumlah 1,317 syarikat dan premis telah mendaftar kepada aplikasi tersebut seperti yang tertera di skrin.

6. Untuk makluman orang ramai jua, aplikasi *Bruhealth App* tersebut akan digunakan bagi keperluan keluar dan masuk ke premis-premis yang sudah diberi kelonggaran seperti restoran, kafe, food stall, padang golf, fasiliti sukan dan lain-lain; dan juga bagi premis-premis lain yang akan diumumkan pada masa akan datang nanti seperti masjid dan sebagainya. Oleh yang demikian, orang ramai yang belum mendaftar adalah disyorkan untuk memuat turun dan mendaftar ke aplikasi Bruhealth tersebut. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, masjid-masjid akan mula digunakan untuk menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat. Bersama ini akan ditayangkan satu video yang menunjukkan penggunaan aplikasi tersebut semasa menghadiri sembahyang Fardhu Jumaat.
7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth**.

Selamat menunaikan ibadah puasa. Sama-samalah kita
mempertingkatkan amal ibadah kita di penghujung Ramadhan ini
dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberikan
kesembuhan kepada semua pesakit terutama sekali yang berada di
Pusat Pengasingan Kebangsaan dan agar Negara Brunei
Darussalam sentiasa terlindung dari wabak COVID-19.

Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 22 Ramadhan 1441H / 16 Mei 2020